



## KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

### GESAAN PENINGKATAN JUMLAH CALON WANITA PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU15) BAGI SETIAP PARTI POLITIK

Menjelang hari penamaan calon Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) pada 5 November 2022, **Pantau PRU15**, satu gabungan yang diterajui Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) yang memayungi lebih daripada 200 NGO wanita di seluruh Malaysia bersama lebih 20 rakan-rakan NGO dan ahli akademik menggesa perkara-perkara berikut daripada parti-parti politik yang sedang giat memuktamadkan senarai calon-calon untuk pengurniaan watakah pencalonan.

- Memartabatkan demokrasi yang matang dan inklusif dengan memastikan sekurang-kurangnya 30 peratus calon PRU15 ialah wanita;
- Memastikan 30 peratus wanita sebagai calon diterjemahkan kepada 30 peratus wanita sebagai wakil rakyat (*winnable candidate*);
- Memilih calon (wanita dan lelaki) yang berkaliber, berintegriti, mempunyai rekod prestasi yang cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan ke arah kesejahteraan rakyat dan berani bersuara menghapuskan ketidaksaksamaan gender serta menjaga kebajikan wanita dan kanak-kanak;
- Menerima hakikat bahawa peningkatan jumlah wanita sebagai calon dan wakil rakyat memberi nilai tambah kepada mutu tadbir urus dan prestasi parti serta negara;
- Menambah baik imej negara yang merosot daripada segi kedudukan di mata dunia berkaitan kepimpinan wanita dalam politik; dan
- Menghormati Matlamat Pembangunan Lestari 2030 (SDG 2030) yang bertujuan untuk mencapai kesaksamaan gender dan pemeraksanaan wanita menjelang tahun 2030.

Maka, keikhlasan setiap parti politik dalam menunaikan janji sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai calon pada 5 November 2022 akan dipantau, dianalisis dan dihebahkan oleh Pantau PRU15 untuk menjamin Malaysia yang inklusif wanita.

**#WanitaPemimpinRakyat #Min30PeratusWanita #MoreWomenBetterGovernance**

**PANTAU PRU15, 28 Oktober 2022.**